

SOALAN NO. 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

TARIKH : 13 MAC 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar kesuburan (*fertility rate*) negara kita. Apakah implikasi kadar kesuburan ini dalam usaha kita menjadi negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kadar kesuburan jumlah (*total fertility rate*) merujuk kepada purata bilangan anak yang akan dilahirkan sekiranya seseorang perempuan terus hidup hingga akhir tempoh umur reproduktifnya (antara umur 15 hingga 49 tahun). Dalam hal ini, kadar kesuburan jumlah di Malaysia berada pada paras 2.1 pada tahun 2012. Untuk makluman dewan yang mulia, kadar 2.1 ini merupakan paras penggantian di mana bilangan anak yang dilahirkan hanya cukup untuk menggantikan ibu bapanya sahaja.

Kadar kesuburan jumlah di negara kita terus mencatatkan penurunan yang pesat daripada 6.7 orang anak pada tahun 1957 kepada 4.9 orang anak (tahun 1970) dan 3.0 orang anak (tahun 2000) dan seterusnya 2.1 pada tahun 2012. Kesan penurunan kadar kesuburan ini adalah seperti berikut:

a) Kadar pertumbuhan penduduk akan terus menurun

Penurunan kadar kesuburan ini telah menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk di Malaysia menurun. Banci Penduduk dan Perumahan 2010 menunjukkan purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan adalah 2.0 peratus bagi tempoh 2000 hingga 2010. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding 2.6 peratus bagi tempoh 1991 hingga 2000. Adalah dijangkakan kadar pertumbuhan penduduk ini terus menurun kepada 1.0 peratus untuk tempoh 2020 hingga 2030.

b) Peningkatan peratusan warga emas dalam masyarakat

Penurunan kadar kesuburan jumlah serta peningkatan jangka hayat penduduk juga telah menyebabkan peratusan warga emas iaitu penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas semakin meningkat. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan, peratusan warga emas telah meningkat kepada 7.8 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2010 berbanding 6.2 peratus pada tahun 2000 dan 5.4 peratus pada tahun 1991. Adalah diunjurkan bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara menua pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduknya terdiri daripada warga emas.

c) Peningkatan beban tanggungan warga emas

Peningkatan peratusan warga emas kesan daripada penurunan kadar kesuburan seterusnya akan memberi kesan kepada beban tanggungan warga emas. Beban tanggungan warga emas ditakrifkan sebagai bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15-59 tahun) yang akan menanggung setiap seorang warga emas. Adalah dijangkakan beban menanggung seorang warga emas akan semakin berat iaitu daripada “8 orang penduduk bekerja yang perlu menanggung seorang warga emas pada tahun 2010” kepada “6 orang penduduk bekerja yang perlu menanggung seorang warga emas pada tahun 2020”.

Tuan Yang Dipertua,

Penurunan kadar kesuburan ini tidak akan menghalang usaha kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Statistik Jabatan Perangkaan mendapati peratusan tenaga buruh (15-59 tahun) pada tahun 2010 adalah sebanyak 64.7 peratus dan angka ini dijangka terus meningkat kepada 65.4 peratus pada tahun 2020. Justeru, negara dijangka mempunyai tenaga buruh yang mencukupi bagi

memenuhi permintaan pasaran tenaga buruh dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara. Dengan penduduk yang bekerja pada masa kini secara umumnya lebih berpendidikan, kurang tanggungan anak akibat penurunan kadar kesuburan dan mempunyai jangka hayat yang lebih lama, golongan bekerja pada hari ini dapat menyumbang ke arah peningkatan pendapatan per kapita negara. Sumbangan ini mampu memacu negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.